RISALAH PENUNTUT ILMU

FATWA

DĀ"IRAT AL-IFṬĀ' AL-'ĀMM

(PUSAT FATWA UMUM)

JORDAN

BERKENAAN

Selawat Tafrijiyyah

Diterjemahkan oleh:

Dr. Abdullaah Jalil

WISDOM
PUBLICATION



Risalah Penuntut Ilmu

Fatwa

Dā’irat al-Iftā’ al-ʿĀmm (Pusat Fatwa Umum)

Jordan

Berkenaan

Selawat Tafrijiyyah

Diterjemahkan oleh:

Dr. Abdullaah Jalil

WISDOM
PUBLICATION



ISI KANDUNGAN

Fatwa Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm (Pusat Fatwa Umum) Jordan Berkenaan Selawat Tafrijiyyah 1

[1] Soalan: 1

[2] Jawapan: 2

[2.1 Selawat Ialah Antara Zikir Paling Mulia] 2

[2.2 Amalan Selawat Diperkuatkan Dengan Pelbagai Dalil Syariat] 3

[2.3 Tiada Lafaz Tertentu Yang Wajib Dilazimi] 3

[2.4 Huruf Bāʿ al-Sababiyyah Dalam Selawat Tafrījiyyah] 4

[2.5 Tawassul Dengan Kemuliaan Rasulullah Dibenarkan Oleh Majoriti Ulama Empat Mazhab: Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali]. 5

Kesimpulan 7

LAMPIRAN 8

Teks Asal Fatwa Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm (Pusat Fatwa Umum) Jordan 8



Fatwa Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm (Pusat Fatwa Umum) Jordan Berkenaan Selawat Tafrijiyyah

Fatwa Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm (Pusat Fatwa Umum) Jordan oleh Lajnah Fatwanya, No. 2046, Tarikh: 17 Mei 2012, bertajuk:

حكم الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم بالصيغة المرفقة

"Hukum Berselawat ke atas Baginda Nabi ﷺ dengan Lafaz Yang Dilampirkan (Selawat Tafrījiyyah/ Nāriyyah)."

[1] Soalan:

ما الحكم الشرعي في هذه الصيغة من صيغ الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم، ونصها:

Apakah hukum Syariat bagi lafaz (bentuk) selawat ini untuk berselawat ke atas Baginda Nabi ﷺ, dan teksnya adalah berikut:

اَللَّهُمَّ صَلِّ صَلاَةً كَامِلَةً، وَسَلِّمْ سَلاَمًا تَامًّا، عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخِتَامِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

"Ya Allah, selawatlah (kurniakan rahmat bersama penghormatan) dengan selawat yang menyeluruh dan kurniakanlah kesejahteraan dengan kesejahteraan yang sempurna ke atas Sayyidina Muhammad [ﷺ] yang dengan [sebab] Baginda [ﷺ] maka terungkai segala ikatan, terbuka jalan keluar dari segala kesukaran, tertunai segala hajat, tercapai segala perkara yang diingini dan penutup/ kesudahan [hidup]

yang baik (kewafatan dengan *ḥusnul khātimah*), serta diturunkan hujan [yang menjadi rahmat] [disebabkan] dengan wajah/kemuliaan Baginda [ﷺ] yang mulia.

Dan [begitu juga selawatlah dan kurniakanlah kesejahteraan] ke atas ahli keluarga/ para pengikut Baginda [ﷺ] dan para sahabat [رضي الله عنهم] di dalam setiap kerdipan mata dan nafas dengan setiap bilangan perkara yang diketahui olehMu."

[2] Jawapan:

الحمد لله، والصلاة والسلام على سيدنا رسول الله

Segala puji bagi Allah. Selawat dan salam ke atas Sayyidina Rasulullah [ﷺ].

[2.1 Selawat Ialah Antara Zikir Paling Mulia]

الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم من أجلِّ الأذكار التي يرددها المسلم، وقد أمرنا الله عز وجل في كتابه الكريم بها حيث قال الله تعالى: ﴿ إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴾ الأحزاب/ 56.

Berselawat ke atas Baginda Nabi ﷺ adalah daripada semulia-mulia zikir yang diulang-ulang oleh seorang muslim. Dan Allah ﷻ telah memerintahkan kita di dalam kitabNya yang mulia [untuk berselawat ke atas Baginda ﷺ] di mana Allah ﷻ berfirman (Al-Aḥzāb:56):

﴿ إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴾

“Sesungguhnya Allah ﷻ dan para malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Baginda Nabi (Muhammad ﷺ).

Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.”

[2.2 Amalan Selawat Diperkuatkan Dengan Pelbagai Dalil Syariat]

وقد تضافرت النصوص في بيان فضل الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم وكيفيتها، ولا توجد صيغة يتحتم الالتزام بها في الصلاة عليه، فكل الصيغ التي لا تشتمل على محذور شرعي جائزة.

Dan sesungguhnya nas-nas Syariat telah saling kuat memperkuatkan untuk menjelaskan keutamaan [amalan] berselawat ke atas Baginda Nabi ﷺ dan kaifiyyatnya.

[2.3 Tiada Lafaz Tertentu Yang Wajib Dilazimi]

Dan tidak ada satu lafaz [selawat] tertentu yang mesti dilazimi untuk berselawat ke atas Baginda ﷺ.

Maka setiap lafaz selawat yang tidak mengandungi elemen yang dilarang oleh Syariat adalah dibenarkan.

والصيغة الواردة في السؤال لا تصادم الشرع فهي جائزة أيضاً،

Dan bentuk lafaz [selawat] yang disebutkan dalam soalan tidak bercanggah dengan Syariat, maka ia juga dibenarkan.

[2.4 Huruf Bāʿ al-Sababiyyah Dalam Selawat Tafrījiyyah]

فالباء الواردة في الصيغة "تنحل بـه العقد" هي باء السببية، أي: تنحل بسببه العقد، وهذا أمر لا يختلف عليه أحد،

Huruf **bā'** yang terdapat di dalam bentuk lafaz selawat tersebut [yang bermaksud]:

"**dengan** Baginda ﷺ maka terungkai segala ikatan,"

ialah merupakan **bā' al-sababiyyah** (yang merujuk kepada sebab) iaitu "terungkai dengan **sebab** Baginda ﷺ segala ikatan," dan perkara ini adalah sesuatu [hakikat] yang tidak diperselisihkan oleh mana-mana orang [Islam] pun.

فأعظم العقد التي انحلت بسببه عليه الصلاة والسلام في الدنيا عقدة الشرك والكفر،

Ikatan paling besar yang terlerai dengan sebab Baginda ﷺ di dunia ini ialah ikatan syirik dan kekufuran.

وأعظم العقد التي تنحل بسببه عليه الصلاة والسلام في الآخرة في موقف الحشر العظيم بشفاعته صلى الله عليه وسلم.

Dan ikatan paling besar yang terlerai dengan sebab Baginda ﷺ di akhirat nanti ialah ketika [seluruh manusia dan jin dihimpunkan di] padang mahsyar yang luas dengan syafaat Baginda ﷺ.

[2.5 Tawassul Dengan Kemuliaan Rasulullah Dibenarkan Oleh Majoriti Ulama Empat Mazhab: Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali]

والتوسل بجاه النبي صلى الله عليه وسلم جائز في مذهبنا ومذهب جمهور العلماء من الحنفية والمالكية والحنابلة في المعتمد من كتبهم؛

Dan bertawassul dengan kemuliaan Baginda Nabi ﷺ ialah amalan yang harus/ dibenarkan di sisi mazhab kami (mazhab Shafie) dan mazhab majoriti para ulama' daripada kalangan ulama' mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali seperti mana yang terdapat di dalam kitab-kitab muktamad mereka.

وذلك لأن مقام النبي صلى الله عليه وسلم العظيم ومنزلته الرفيعة عند الله عز وجل ثابتة في الكتاب والسنة،

Dan itu adalah kerana *maqām* (darjat) Baginda Nabi ﷺ yang agung dan kedudukan Baginda ﷺ yang tinggi di sisi Allah ﷻ telah *thābit* (tetap) di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

وقد ورد في التوسل به صلى الله عليه وسلم حديث خاص، وهو حديث عثمان بن حنيف رضي الله عنه حين علمه النبي صلى الله عليه وسلم هذا الدعاء:

Sesungguhnya telah datang hadith yang khusus berkenaan [pensyariatan] bertawassul dengan Baginda ﷺ, dan ia ialah hadith [yang telah diriwayatkan oleh] [Sayyidina] ʿUthmān bin Ḥunayf ﷺ tatkala Baginda Nabi ﷺ mengajarkan beliau doa ini.

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِـنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ)

“Ya Allah, sesungguhnya aku memohon daripadaMu dan aku ber*tawajjuh* (mengadap) kepadaMu **dengan** nabiMu [Sayyidina] Muhammad [ﷺ], Nabi yang membawa rahmat.”

رواه الترمذي (رقم/ 3578).

Imam al-Tirmidzi telah meriwayatkannya (No./3578).

والله تعالى أعلم.

Dan Allah ﷻ itu lebih mengetahui.

Kesimpulan

- Selawat tafrijiyyah tidak bertentangan dengan syariat Islam.
- Huruf maʿānī iaitu huruf bā di dalam lafaz selawat ini membawa makna al-sababiyyah.
- Ia merupakan tawassul dengan kemuliaan Baginda Nabi ﷺ yang dibenarkan oleh empat mazhab fiqh Ahli Sunnah dan Jama'ah (Shafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali).

LAMPIRAN

Teks Asal Fatwa Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm (Pusat Fatwa Umum) Jordan

اسم المفتي : لجنة الإفتاء الموضوع : حكم الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم بالصيغة المرفقة رقم الفتوى : 2046 التاريخ : 17-05-2012 التصنيف : الأذكار والدعاء نوع الفتوى : بحثية
السؤال : ما الحكم الشرعي في هذه الصيغة من صيغ الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم، ونصها: "اللهم صل صلاة كاملة وسلم سلاماً تاماً على سيدنا محمد الذي تنحل به العقد، وتنفرج به الكرب، وتقضى به الحوائج، وتنال به الرغائب، وحسن الختام، ويُستسقى الغمام بوجهه الكريم، وعلى آله وصحبه في كل لمحة ونفس بعدد كل معلوم لك"؟
الجواب : الحمد لله، والصلاة والسلام على سيدنا رسول الله

الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم من أجلِّ الأذكار التي يرددها المسلم، وقد أمرنا الله عز وجل في كتابه الكريم بها حيث قال الله تعالى: (إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا) الأحزاب/ 56.

وقد تضافرت النصوص في بيان فضل الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم وكيفيتها، ولا توجد صيغة يتحتم الالتزام بها في الصلاة عليه، فكل الصيغ التي لا تشتمل على محذور شرعي جائزة.

والصيغة الواردة في السؤال لا تصادم الشرع فهي جائزة أيضاً، فالباء الواردة في الصيغة "تنحل به العقد" هي باء السببية، أي: تنحل بسببه العقد، وهذا أمر لا يختلف عليه أحد، فأعظم العقد التي انحلت بسببه عليه الصلاة والسلام في الدنيا عقدة الشرك والكفر، وأعظم العقد التي تنحل بسببه عليه الصلاة والسلام في الآخرة في موقف الحشر العظيم بشفاعته صلى الله عليه وسلم.

والتوسل بجاه النبي صلى الله عليه وسلم جائز في مذهبنا ومذهب جمهور العلماء من الحنفية والمالكية والحنابلة في المعتمد من كتبهم؛ وذلك لأن مقام النبي صلى الله عليه وسلم العظيم ومنزلته الرفيعة عند الله عز وجل ثابتة في الكتاب والسنة، وقد ورد في التوسل به صلى الله عليه وسلم حديث خاص، وهو حديث عثمان بن حنيف رضي الله عنه حين علمه النبي صلى الله عليه وسلم هذا الدعاء: (اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ) رواه الترمذي (رقم/ 3578). والله تعالى أعلم.

Sumber:
https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2046&fbclid=IwAR1dw5zUwwe4xZmB-MkA-vXazvArkyca6PODjFd6emL7sOU0P0xEbEjvO1w#.Yeuyx_5ByUn
(Tarikh akses: 22 Januari 20222)

الفتاوى

اسم المفتي : لجنة الإفتاء

الموضوع : حكم الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم بالصيغة المرفقة

رقم الفتوى : 2046

التاريخ : 2012-05-17

التصنيف : الأذكار والدعاء

نوع الفتوى : بحثية

السؤال :

ما الحكم الشرعي في هذه الصيغة من صيغ الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم، ونصها: "اللهم صل صلاة كاملة وسلم سلاماً تاماً على سيدنا محمد الذي تنحل به العقد، وتنفرج به الكرب، وتقضى به الحوائج، وتنال به الرغائب، وحسن الختام، ويُستسقى الغمام بوجهه الكريم، وعلى آله وصحبه في كل لمحة ونفس بعدد كل معلوم لك"؟

الجواب :

الحمد لله، والصلاة والسلام على سيدنا رسول الله

الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم من أجلّ الأذكار التي يرددها المسلم، وقد أمرنا الله عز وجل في كتابه الكريم بها حيث قال الله تعالى: (إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا) الأحزاب/56.

وقد تضافرت النصوص في بيان فضل الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم وكيفيتها، ولا توجد صيغة يتحتم الالتزام بها في الصلاة عليه، فكل الصيغ التي لا تشتمل على محذور شرعي جائزة.

والصيغة الواردة في السؤال لا تصادم الشرع فهي جائزة أيضاً، فالباء الواردة في الصيغة "تنحل به العقد" هي باء السببية، أي: تنحل بسببه العقد، وهذا أمر لا يختلف عليه أحد، فأعظم العقد التي انحلت بسببه عليه الصلاة والسلام في الدنيا عقدة الشرك والكفر، وأعظم العقد التي تنحل بسببه عليه الصلاة والسلام في الآخرة في موقف الحشر العظيم بشفاعته صلى الله عليه وسلم.

والتوسل بجاه النبي صلى الله عليه وسلم جائز في مذهبنا ومذهب جمهور العلماء من الحنفية والمالكية والحنابلة في المعتمد من كتبهم؛ وذلك لأن مقام النبي صلى الله عليه وسلم العظيم ومنزلته الرفيعة عند الله عز وجل ثابتة في الكتاب والسنة، وقد ورد في التوسل به صلى الله عليه وسلم حديث خاص، وهو حديث عثمان بن حنيف رضي الله عنه حين علمه النبي صلى الله عليه وسلم هذا الدعاء: (اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ) رواه الترمذي (رقم/3578). والله تعالى أعلم.





WISDOM
PUBLICATION